

MECD: LPKP/20/S/656/1 Jld. 2(25)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 2 TAHUN 2007**

PELANJUTAN LESEN BAS EKSPRES YANG MENCAPAI HAD USIA 10 TAHUN

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 22 JUN 2007

**SEMUA LPKP WILAYAH,
Semenanjung Malaysia.**

**PELANJUTAN LESEN BAS EKSPRES YANG MENCAPAI
HAD USIA 10 TAHUN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah bagi meluluskan pelanjutan tempoh lesen bas ekspres yang mencapai had usia 10 tahun.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling LPKP Bil: 14 Tahun 2005 menetapkan had usia sehingga 10 tahun bagi bas ekspres. Walau bagaimanapun, lazimnya para pengusaha akan mengambil masa yang panjang dalam urusan mendapat pinjaman daripada institusi kewangan, urusan tempahan chasis (dari luar negara), proses pembinaan badan bas, pemeriksaan PUSPAKOM dan JPJ.

TEMPOH PELANJUTAN LESEN YANG BOLEH DILULUSKAN

3. Bagi tujuan memberikan kelonggaran kepada pengusaha, Mesyuarat Lembaga Bil. 13/2007 pada 19 Jun 2007 telah memutuskan untuk memberikan pelanjutan seperti berikut:

- (i) Pelanjutan pertama untuk tempoh satu (1) tahun bagi bas ekspres yang mencapai had usia 10 tahun; dan
- (ii) Pelanjutan **terakhir** untuk tempoh satu (1) tahun jika pengusaha masih memerlukan tambahan masa untuk menyiapkan bas. Dokumen sokongan daripada syarikat pembina badan bas, institusi kewangan atau PUSPAKOM (mana yang berkaitan) wajib diserta bersama-sama borang permohonan. Tanpa dokumen sokongan tersebut permohonan adalah **ditolak**.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“ KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**

(NAIMAH BINTI RAMLI)

SETIAUSAHA,
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI.

JUN 2007

Salinan kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif,
PUSPAKOM Sdn. Bhd.,
No. 553 A-E, Tingkat 3 & 4,
Batu 3 1/3, Jalan Ipoh,
51200 KUALA LUMPUR
(u.p: En. Aggus Salim Halmee b. Haidar)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
(Bahagian Teknik)
Aras 1-5, Blok D4, Parcel D,
62502 PUTRAJAYA.

Edaran Dalaman:

YB DatoqPengerusi LPKP

Y. Brs KSU

TKSU (P)

KPSU (LPKP) Ibu Pejabat

KPSU (LPKP) Wilayah Tengah

KPSU (LPKP) Wilayah Timur

Sila tampal pekeliling ini pada papan

KPSU (LPKP) Wilayah Utara

kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.

KPSU (LPKP) Wilayah Selatan

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
Ibu pejabat.